

03/08/2002

Pusat serantau tajaan AS perlu dihalusi

CADANGAN Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell, agar Kuala Lumpur dan Washington menubuhkan pusat serantau bagi usaha membanteras keganasan, ketika kunjungannya ke ibu negara Selasa lalu, mengundang pelbagai tafsiran. Dari satu sudut, pusat itu yang dicadangkan diwujudkan di Kuala Lumpur serta dikendalikan pegawai kedua-dua negara, mungkin disebabkan kejayaannya membanteras ancaman pengganas. Dari sudut berlawanan pula, ia ditafsirkan sebagai menandakan kebimbangan Amerika terhadap kewujudan mereka yang disyaki pengganas di negara ini. Di samping itu, timbul juga kesangsian pusat itu akan menjadi satu lagi alat bagi Washington yang dicurigai ramai akan terus memanipulasi perangnya terhadap keganasan selepas serangan 11 September untuk mengembangkan kuasanya di seluruh dunia. Semuanya berkemungkinan tanpa sesiapa boleh berasa pasti.

Namun, sebagaimana dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia belum memberi sebarang persetujuan kerana mahu meneliti dulu cadangan berkenaan. Dalam menganalisis keperluan pusat serantau itu nanti, sewajarnya pandangan pelbagai pihak diberi pertimbangan. Dalam apa keadaan pun, Malaysia tidak harus merelakan ia dijadikan kuda tunggangan negara kuasa besar itu yang dilihat sering bermuslihat dalam pelbagai perkara bagi memperluaskan pengaruh dan kepentingan ekonominya. Sekiranya ia baik buat Malaysia, terutama dalam membendung ancaman pengganas atau jenayah merentasi sempadan, maka tiada sebab idea penubuhannya ditentang. Dalam pada itu, adalah menjadi tugas pegawai kita untuk memastikan kepentingan negara ini tidak sekali-kali dipertaruhkan.